

PESTA AIR NASIONAL

SEJARAH

Bulan Pesta Air Nasional yang pertama telah dimulakan pada tahun 2000.

Ia adalah hasil daripada ilham Almarhum DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-XI, di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Jun 1999 yang telah mempersetujui agar diwujudkan semula pesta air melalui program yang dinamakan Bulan Pesta Air Nasional.

PENGENALAN

Pesta Air Nasional merupakan acara tahunan yang terbesar selepas sambutan Hari Wilayah. Penganjuran sukan air diperkenalkan pada tahun 1997.


Pesta Air Nasional menawarkan pelbagai aktiviti sukan air bertaraf antarabangsa. Acara ini juga merupakan acara yang ditunggu-tunggu setiap tahun oleh pengunjung dari luar dan dalam negara.

Pesta Air Nasional dapat meningkatkan aktiviti perlancongan dalam dan luar negara. Acara ini dijadikan salah satu produk pelancongan yang menarik bagi para pelancong tempatan dan asing, di samping dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa.



SUKAN AIR

KAPAL/PERAHU LAYAR



• Skipper

Ketua kapal/ perahu (pengemudi) adalah ketua pasukan atau kapten bagi sesebuah perahu layar. Tugasnya adalah mengemudi perahu dan membuat keputusan mengenai taktik dan strategi yang digunakan dalam perlumbaan.

• Mainsheet Trimmer

Berperanan mengawal layar paling besar di mana kelajuan perahu tertumpu di situ dan berganding rapat dengan skipper untuk mengawal kelajuan perahu.

Sukan perahu layar merupakan salah satu sukan yang dimainkan dengan bergantung kepada bantuan angin untuk menggerakkan perahu tersebut. Sukan ini popular dan dimainkan di negeri yang mempunyai laut dengan tiupan angin yang kuat.

Pergerakan perahu layar ini dibantu dengan pemain-pemain yang mempunyai fungsi yang berbeza semasa di atas perahu bagi menetukan arah tuju perahu bergerak dengan mengubah kedudukan layar yang terdapat pada kapal.

• Trimmer

Bertugas untuk mengawal kepala atau depan kapal. Pada pusingan melawan arah angin, *trimmer* bekerjasama dengan *Pitman* yang mengawal layar besar yang terletak berlawanan dengan layar utama.

• Bowman

Bertanggungjawab mengubah layar di hadapan kapal. Bowman mestilah seorang yang kuat dan mempunyai kebolehan dengan tangkas dan cepat di bahagian depan perahu.

• Pitman

Tugasnya adalah membantu *trimmer* untuk mengawal perahu layar dan layar besar. *Pitman* mengawal kebanyakan tali yang akan menentukan arah layar.

RUJUKAN

Gilmour, Peter. 2008. "Monsoon Cup Terengganu: Sport Tourism - The Business Case. World Match Racing Tour." Print.

Jim Howard; Charles J. Doane. "Handbook of offshore cruising: The Dream and Reality of Modern Ocean Cruising" 2nd ed. Dobbs Ferry, New York: Sheridan House, Inc. p. 36. 2000. Print.

Phillips-Birt, Douglas 1974 "The History of Yachting", New York: Stein and Day. p. 9.

Portal Rasmi Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia, 8 Disember 2014. Web. 6 April 2015.

KANU/CANOUE

Secara umumnya perkataan "KANU" adalah merujuk kepada semua kenderaan atau alatan yang menjadikan air sebagai medium perantaraan utamanya serta digerakkan dengan menggunakan teknik dayungan mahupun bantuan tenaga alam.

Masyarakat dahulu telah menggunakan kayu-kayu hutan tropika untuk membuat kenderaan air dengan cara menebuk atau membakar teras kayu. Kenderaan ini dikenali sebagai *kanu dugout*. Di Malaysia, kebanyakkan orang terdahulu menggunakan kolek, perahu dan sampan. Contoh kanu yang paling terkenal adalah sampan yang digunakan oleh kaum Red Indian di Kanada.

PERBEZAAN ANTARA KANU DAN KAYAK

KANU

Sejenis kenderaan air yang mempunyai geledak yang terbuka, menggunakan satu bilah mata dayung dan didayungkan secara berlutut.

KAYAK

Merupakan atau merujuk kepada sejenis kenderaan air yang mempunyai geledak yang tertutup, dimana ianya mempunyai dua bilah mata pendayung dan digerak atau didayungkan secara berlunjur.

FIZIKAL KANU

Di Nusantara kanu diperbuat daripada batang kayu balak yang dikorek bahagian tengah, manakala di Eropah pula kanu dihasilkan daripada pokok yang dijadikan kerangka utama dan tutut menggunakan kulit pokok *birch* sebagai bahan penebat atau bahan kalis alis pada bahagian sisi atau luar kanu. Ini bertujuan untuk mengelak air daripada masuk ke dalam kanu.

Bagi penghuni di kawasan artik (kawasan sejuk), mereka menghasilkan kanu dengan membina kerangka daripada tulang haiwan seperti ikan paus atau kayu dan disalutkan dengan kulit haiwan seperti anjing laut, singa laut yang berfungsi sebagai penebat kalis air.

Mempunyai geledak yang terbuka bagi tujuan untuk membawa barang-barang, makanan, haiwan buruan. Kanu mempunyai ruang yang luas untuk membawa lebih dari penumpang daripada seorang.



SUKAN AIR



Sukan luncur ombak adalah merupakan salah satu daripada sukan lasak (extreme) yang terawal. Masyarakat di Selatan Pasifik telah meluncur selama ratusan tahun. Peluncur berdiri di atas papan luncur dan bergerak di atas permukaan air dengan bantuan ombak.

LUNCUR OMBAK

TAHUKAH KAMU?

Di dalam sukan luncur ombak terdapat penggunaan bahasa atau istilah yang tersendiri di kalangan peluncur yang amat terkenal iaitu:

Catch The Wave: Memulakan luncuran
Hang Ten: Menjulurkan ke semua 10 kaki pada bahagian muncung papan luncur.
Ride The Tube: Meluncur di bawah gulungan ombak

RUJUKAN

Giglietti, Jim
Sukan Air. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Berhad, 2014. Cetak.



Sukan luncur angin adalah merupakan satu sukan gabungan angin dan ombak..

Setiap peluncur angin berdiri di atas papan luncur seperti papan luncur ombak. Di mana peluncur perlu berpaut pada layar yang di pasang di atas papan luncur mereka.

Peluncur perlu cekap, pantas dan peka terhadap perubahan halaju angin untuk meningkatkan kelajuan mereka dan melakukan aksi-aksi yang menarik



LUNCUR ANGIN



LUNCUR TIARAP



Sukan luncur tiarap ini merupakan sukan lasak di dalam keluarga sukan luncur ombak.

Peluncur sukan ini menggunakan papan luncur yang kecil. Peluncur akan meluncur dengan meletakkan sebelah lulut mereka di atas papan luncur atau berdiri.

Namun peluncur lebih gemar meniarap. Mereka akan melakukan beberapa aksi-aksi trik dan rutin yang menarik perhatian penonton.

Antara aksi-aksi mereka adalah melompat dari rabung ombak dan melakukan *summersault* di udara sebelum mendarat semula

RUJUKAN

Giglietti, Jim
Sukan Air. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Berhad, 2014. Cetak.

SUKAN AIR

WATER SKIING DAN WAKEBOARDING

Menurut sejarah, sukan water Skiing dan wakeboarding ini dikatakan bermula pada tahun 1922, apabila Ralph Samuelson menggunakan tali sebagai kabel penarik dan papan luncur di tasik Pepin, Lake City, Minnesota, Amerika Syarikat.

Di dalam sukan lasak ini terdapat 3 kategori utama iaitu:

- **Slalom:** adalah merujuk kepada peluncur yang menunjukkan kemahiran atau lompatan atau aksi, di mana peluncur hanya menggunakan satu papan luncur sahaja yang ditarik oleh motor bot, jet ski
- **Jump:** Merujuk kepada aksi peluncur yang menggunakan dua papan luncur (ski). Di dalam kategori ini setiap peluncur akan cuba untuk meluncur atau membuat luncuran yang paling jauh jarak antara peserta lain.

Di dalam sesebuah pertandingan setiap peluncur hanya diberikan beberapa peluang untuk membuat lompatan atau luncuran yang jauh jaraknya kira-kira 30 meter.

Sukan Water Skiing dan Wakeboarding adalah merupakan satu sukan air yang paling lasak dan ekstrem di mana peluncur Water Skiing dan Wakeboarding ini di tarik di belakang bot, jet ski sama seperti peluncur air. Perbezaannya adalah peluncur Water Skiing dan Wakeboarding berdiri di atas papan luncur yang lebih besar dan melakukan aksi-aksi yang memukau di udara.

- **Trick:** Salah satu daripada 3 teknik klasik di dalam sukan ini. Di dalam kategori ini peluncur boleh memilih sama ada menggunakan papan luncur kecil atau menggunakan dua papan luncur (ski).

Dalam sesebuah pertandingan setiap peluncur hanya diberikan masa selama 20 saat untuk meluncur sambil melakukan aksi-aksi terbaik mereka di samping melakukan aksi rutin kategori ini. Setiap aksi yang dilakukan akan dinilai dan diberikan markah

RUJUKAN

Gigliotti, Jim
Sukan Air. Kuala Lumpur; Institut Terjemahan & Buku Berhad, 2014. Cetak.

Fayret, Ben, 1985-
"Water Skiing and Wakeboarding". Champaign: Human Kinetics, 2010. Print.

SUKAN AIR JET SKI/ LUNCUR JET

Sukan luncur jet atau lebih mesra dengan nama panggilan Luncur Jet Ski di mana pelumba luncur jet ini akan berlumba di atas air sama seperti motosikal tanpa menggunakan roda.

Jet Ski adalah merupakan bot kecil peribadi atau personal water craft. Sesebuah jet ski ini boleh membawa seorang atau lebih dari seorang penunggang pada masa yang sama serta mempunyai motor yang berkuasa tinggi.

Setiap peserta, penunggang atau penumpang yang mahu menggunakan jet ski ini, sama ada untuk tujuan perlumbaan atau riadah, perlulah mempunyai kemahiran dan keyakinan untuk menunggangnya.

Di dalam sesebuah pertandingan luncur jet ini, setiap penunggang dikehendaki melakukan pelbagai rutin dan aksi yang mempersonakan serta memukau perhatian penonton.



RUJUKAN

Gigliotti, Jim
Sukan Air. Kuala Lumpur; Institut Terjemahan & Buku Berhad, 2014. Cetak.



SUKAN AIR



www.pnm.gov.my



www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia



blogpnm.pnm.gov.my



twitter.com/PNM_sosial



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



Year of Festivals
2015
Endless Celebrations

SUKAN AIR TRADISIONAL



Sejak berkurun lamanya masyarakat di Nusantara telah mencipta pelbagai sukan air untuk meningkatkan perpaduan dan mewujudkan semangat kesukunan yang tinggi. Antara sukan air tradisional yang amat terkenal seperti menangkap itik, pukul bantal, panjat tiang licin , tarik tali pantai dan lain-lain.

Acara ini bermula apabila pihak penganjur melepaskan itik ke dalam laut atau sungai. Setiap peserta dikehendaki mengejar dan

menangkap seberapa banyak itik yang boleh. Itik yang ditangkap itu adalah merupakan hadiahnya dan setiap peserta boleh membawa balik itik yang ditangkap.



INTERGRAPH



Acara ini memerlukan dua orang peserta duduk di atas kayu atau palang yang diletakkan di atas air sama-sama bersamaan.

Kedua-dua peserta tersebut dikehendaki duduk secara berhadapan dan bersama-sama menjawab kantong. Kedua-duanya juga memandu

sehingga salah seorang daripada mereka terjatuh ke dalam air. Peserta yang masih berada di atas palang atau kayu di kira sebagai pemenangnya.

A panoramic view of a busy harbor filled with traditional wooden fishing boats (jukung) docked at wooden stilts. The boats are painted in various colors like red, blue, and yellow. In the background, there are lush green hills and a modern bridge structure.

na kumpulan yang berjaya mendapatkan bendera di ang akan dikira sebagai pemenang.

Acara ini amat mementingkan kerjasama, bersatu padu bersemangat waja dan hala tuju serta perancangan yang berkesan untuk mencapai matlamat yang dikehendaki.

 men

A close-up view of several fishing rods standing upright against a bright blue sky with scattered white clouds. The rods are angled upwards from the left side of the frame. One rod stands out with a bright yellow line running along its length.



Setiap peserta hanya dibenarkan satu atau dua batang. Masa pertandingan adalah tertakluk kepada masa ditetapkan oleh pihak penganiur. Manakala setiap pe-

Pemenang pertandingan ini dikira berdasarkan kepada berat seekor ikan sahaja dan bukannya bilangan ikan yang berjaya dipancing.

A close-up photograph of two tropical fish swimming side-by-side. On the left is a green parrotfish with distinct black stripes and a red mouth. On the right is a blue tang, also known as a surgeonfish, with a bright blue body and a large, serrated tail. They are both facing towards the right of the frame.

A close-up photograph of a fish's eye, showing a large lens and surrounding tissue.



KAYAK

Berkayak adalah sejenis sukan air. Ianya lebih lasak daripada kanu. Aktiviti berkayak boleh dilakukan secara bersendirian ataupun dengan pemerhatian jurulatih. Kayak menjadi salah satu aktiviti tetap dalam pengajuran Pesta Air.



BAHAGIAN YANG TERDAPAT PADA SEBUAH KAYAK

• Haluan & Buritan (Bow & Stern)

Bow atau haluan adalah bahagian depan atau muncung kayak yang berfungsi sebagai arah tujuan dan juga sebagai alat memecah ombak. Stern atau Buritan pula ialah bahagian belakang kaya. Tip untuk mengenali diantara haluan dan buritan dengan ialah melihat arah tempat duduk pendayung.

• Gunwale Line / Painter Line

Gunwale Line / Painter Line ialah bahagian tepi atau sisi kayak yang berfungsi sebagai penyimbang bagi pendayung, apakah perahu yang dinaikkan itu sesuai dengan berat badannya atau tidak. Sisi kanan disebut starboard dan sisi kiri disebut portside.

• Hull

Hull ialah bahagian bawah kayak. Bentuknya berbeza bergantung kepada jenis kayak.

• Deck (Geladak)

Deck ialah bahagian atas hadapan kayak untuk melindungi kaki untuk memudahkan melakukan teknik Eskimo Roll. Deck bahagian depan ini dikenali sebagai foredeck dan dibelakangnya pula dikenali sebagai afterdeck.

• Cockpit (Ruang Tempat Duduk)

Cockpit ialah ruangan yang dibentuk untuk pendayung kayak. Kedudukan Cockpit ini berbeza mengikut rekaan bentuk dan penggunaan kayak tersebut.

• Seat (Tempat Duduk)

Tempat duduk terletak di dalam Cockpit, dan tempat duduk terbahagi dalam beberapa jenis iaitu Standard (bentuk dan ukuran tetap), tempat duduk sederhana (biasa untuk kayak rekreasi), tempat duduk ketat (digunakan untuk di arus deras.)

• Toggle

Toggle adalah sejenis tali untuk mengangkat kayak, letaknya di hujung depan (Bow) dan belakang (Stern).

• Coaming

Coaming adalah bahagian tepi kecil dan mengelilingi cockpit, ianya berfungsi sebagai penahan air untuk masuk ke dalam perahu dan juga untuk mengikat spraycover.

• Knee Brace

Letaknya di bawah Coaming yang berfungsi sebagai penahan lutut dan memberikan sanggahan ke kaki supaya kaki pendayung lebih kuat terhadap perahu.

• Towline / Deckline

Towline / Deckline ialah tali yang diikatkan di hujung kayak (bow) dan buritan kayak (stern). Ia berfungsi sebagai tali penyelamat, menarik perahu.



• Keel

Terletak di bawah geladak belakang dan berfungsi sebagai kemudi.

• Buoyancy

Buoyancy adalah bahan apungan yang terletak di bawah deck bahagian depan (bow) dan deck bahagian belakang (stern) yang berfungsi sebagai penyimbang apabila kayak terbalik dan tidak mudah tenggelam.

• Footrest

Footrest terletak di bahagian foredeck berfungsi sebagai tempat meletak kaki, bentuknya terdiri dari bar (dipasang pada sisi kiri dan kanan), paddle (hampir sama dengan bar tetapi terpisah antara letak sebelah kiri dengan kanan), bulkhead (bentuk bulat rata dan terletak di bahagian haluan (bow)).

• Deck Eye / Eye Cleat

Deck Eye / Eye Cleat ialah lubang untuk mengikat tali (towline) yang terletak di atas geladak.

• Eye Pit

Eye Pit ialah lubang yang terletak di hujung haluan (bow) dan buritan (stern) pada jenis kayak-kayak tertentu.

• Hatch

Hatch ialah lubang penutup yang terdapat di bahagian depan dek dan belakang dek, yang berfungsi sebagai tempat meletakkan barang. Biasa digunakan untuk kayak jenis ekspedisi.

• Back Strap

Back Strap berbentuk getah yang di letakkan pada bahagian tempat duduk belakang, berfungsi untuk memberikan keselesaan pendayung untuk menyandar ke belakang sewaktu mendayung dan sekaligus untuk melindungi keselamatan bahagian belakang pendayung.

RUJUKAN

"Kayak". Wikipedia, The free Encyclopedia. Wikimedia Foundation Inc. 07 Mac 2013.Web. 06 Mac 2015.

Johnson, Shelly. 1954-
The complete sea kayaker's handbook. Print.

Bowermaster, John.
"Aleutian Adventure: Kayaking in the Birthplace of the Wind". Washington DC: National Geographic Society, 2001. Print.



SUKAN AIR